



PUSTAKA
NEGERI
SARAWAK

FOUNTAIN OF KNOWLEDGE

ISSN No. 1675-1183

JULY - SEPTEMBER 2014 • VOLUME 62

Pustaka Negeri Sarawak, Miri

MENGADAKAN SEMBANG KEMERDEKAAN BERKENAAN ROSLI DHOBY

Oleh: Sofina Tan Sofian Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI – Bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia, Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah menganjurkan sesi bual-bicara atau forum bertajuk ‘Sembang Kemerdekaan – Berani Mati Demi Tanahair: Wira Muda Bernama Rosli Dhoby’. Ianya telah diadakan pada 3 September 2014 bermula 2:30 petang bertempat di Auditorium.

Ahli-ahli panel forum adalah tiga (3) orang sepupu Rosli Dhoby – Tahar Johnny, Lucas Johnny dan Rosli Johnny; serta Jantai Kebing – guru sejarah Kolej Tun Datu Tuanku Haji Bujang (KTIDTHB) Miri. Moderator forum adalah Jude Juda dari Radio Televisyen Malaysia (RTM) Miri.

Generasi muda khususnya telah memperolehi informasi sejarah berkenaan perjuangan rakyat negeri Sarawak dalam menuju status merdeka dan seterusnya membentuk negara Malaysia.

► continued on page 3

INSIDE THIS ISSUE

- 3 PROGRAM KEMBARA ILMU 2014
- 4 MAJLIS PELANCARAN SIRI SARAWAKIANA: THE UNSUNG HEROES – VOICES OF THE SARAWAKIAN GUERRILLAS OF 'Z' SPECIAL UNIT & PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN 2014
- 6 INFORMATION ACCESS WITH QR CODE
- 7 PUSTAKA NEGERI SARAWAK CELEBRATES RAYA MERDEKA

- 8 KARNIVAL ILMU SEMPENA HARI INOVASI PUSTAKA NEGERI SARAWAK
- 10 STAFF NEWS
- 12 LIST OF VISITORS TO PUSTAKA NEGERI SARAWAK, KUCHING
- LIST OF VISITORS TO PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI



■ KENANGAN...Dayang Sophia (tengah) - anak sulung Awang Rambli rakan seperjuangan Rosli Dhoby menerima cenderamata daripada Ahmad Lai sambil disaksikan oleh tetamu lain.

This Newsletter is published quarterly by
PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium 93050
Kuching, Sarawak, Malaysia.

Tel: 6 082 442000 | Fax: 6 082 449944
Email: librarian@sarawak.gov.my

[pstaka.sarawak](https://www.facebook.com/pustaka.sarawak) [pstakaswk](https://twitter.com/pustakaswk)



www.pustaka-sarawak.com

Message From

Chief Executive Officer

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Pada bulan Ogos yang lalu, majlis Rumah Terbuka Pustaka telah diadakan dengan meriahnya. Berkonseptkan tema 'Raya Merdeka Bersama Kami' majlis ini merapatkan lagi hubungan ikatan silaturahim antara Pustaka dengan para pelanggan dan juga rakan pintarnya. Ribuan Terima Kasih kami ucapan kepada para tetamu yang telah hadir ke majlis ini.

Cawangan kami di Miri pula telah menganjurkan majlis pelancaran Siri Sarawakiana: *Wira Tidak Didendang - Suara-Suara Gerila Unit Khas 'Z' Sarawak* yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Puan Rosey Hajj Yunus. Harapan kami, melalui projek ini rakyat khususnya generasi muda dapat memahami sejarah negeri melalui perspektif rakyat Sarawak sendiri. Dengan kerjasama beberapa pengkaji, penyelidik tempatan dan juga Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) maka projek dokumentari ini telah berjaya diterbitkan dalam bentuk pelbagai media - cetakan dan digital (e-book dan video) untuk rujukan rakyat dan generasi muda akan datang.

Bersempena dengan sambutan Hari Inovasi 2014, Karnival Ilmu Pustaka pula dianjurkan dan sambutan yang amat menggalakkan telah diterima apabila seramai lebih kurang 2000 orang pengunjung telah hadir ke karnival tersebut. Karnival ini menampilkan Pustaka sebagai sebuah pusat ilmu dan juga pusat riadah dan rekreatif untuk pelbagai golongan.

Semoga Pustaka berterusan sebagai Rakan Ilmu Anda!

Rashidah Bolhassan
Chief Executive Officer

EDITORIAL COMMITTEE

Advisor

Rashidah Haji Bolhassan

Editor-In-Chief

Nesly Rebid

Committee Members

Laurena Aloh
Alya Faeqah Hamali
Sofina Tan Sofian Tan
Norzihan Abdullah



Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Ahli Parlimen Kawasan Sibut Haji Ahmad Lai Bujang telah merasmikan forum tersebut sambil disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak Rashidah Haji Bolhassan, Pengurus Wilayah Miri Hajah Salina Haji Zawawi, Temenggong Haji Abdul Rahman Fadzail dan lebih 200 orang hadirin.

Selain daripada forum tersebut, sebuah pameran berkaitan turut diadakan. Ianya dinamakan 'Pameran Kemerdekaan – Dari Kampung Pulo, Sibu Ke Penjara Pusat Kuching: Perjalanan Hidup Rosli Dhoby' bermula 11 Ogos sehingga 19 September 2014. Bertempat di Ruang Legar Aras Bawah, pameran tersebut dibuka kepada pelawat setiap hari dari pukul 11:00 pagi sehingga 5:00 petang (kecuali cuti umum).

Pameran tersebut menampilkan koleksi bersejarah berkaitan Rosli Dhoby yang dimiliki oleh Lucas Johnny. Antara barang yang dipamerkan adalah koleksi gambar, artikel serta koleksi antik.




■ **BUAL BICARA...**(dari kiri) Rosli, Tahar, Lucas dan Jantai bersama moderator Jude membincangkan perjalanan hidup Rosli Dhoby.

PROGRAM KEMBARA ILMU 2014

Oleh: Muhammad Shahruh Bahro (sharulbee@sarawak.gov.my)



■ **ROMBONGAN PUSTAKA..**Staf Pustaka Negeri Sarawak semasa dalam perjalanan ke Long Laput.



■ **FOKUS..** Para peserta program tekun menyelesaikan soalan ujian semasa program penilaian semula dilakukan di Long Laput.

Pada 3-5 September yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak telah dengan jayanya mengadakan program Kembara Ilmu 2014. Program ini adalah program kerjasama Pustaka Negeri Sarawak dengan Natural Resource Environment Board (NREB), Malaysian Nature Society (MNS), Red Crescent Miri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Danawa Resources Sdn Bhd.

Program ini telah disempurnakan oleh YB Dennis Ngau, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telang Usan. Antara yang turut hadir adalah Temenggong Elizebeth Deng, Pengurus Wilayah Pustaka Miri Hajah Salina Hj. Zawawi, Ketua Sektor Teknologi Maklumat & Komunikasi Encik Wan Mazli Wan Razali, Ketua Masyarakat dan wakil-wakil jabatan.

Seramai 12 orang staf Pustaka Negeri Sarawak dan Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah bergabung tenaga bagi menjayakan program ini. Objektif program ini adalah untuk mengurangkan jurang kemahiran teknologi dan literasi maklumat di antara penduduk bandar dan luar bandar di samping menggalakkan perkongsian ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat.

► continued on page 4

Antara program yang diadakan adalah Kelas Asas Pengenalan Komputer, 'Bird Watching', Pencerapan Bintang, Kelas Asas Bantuan Cemas dan Kelas Literasi Maklumat.

Seramai 60 orang peserta telah menyertai program ini. Pertama kalinya Program Kembara Ilmu diadakan di Long Bedian dan dalam tempoh 6 bulan yang akan datang, proses penilaian semula akan dilakukan. Tujuan penilaian semula ini diadakan adalah untuk mengetahui keberkesanan program Kembara Ilmu di tempat tersebut.

Selepas Program Kembara Ilmu di Long Bedian rombongan Pustaka Negeri Sarawak bertolak pula ke Long Laput untuk mengadakan program penilaian semula. Ini adalah sebelum ini iaitu pada bulan November 2013 yang lalu, Program Kembara Ilmu telah diadakan untuk penduduk Long Laput. Penilaian semula di Long Laput ini telah memberikan beberapa indikator untuk tujuan penambahbaikan program.

Program ini akan diteruskan di kawasan-kawasan yang lain bagi memastikan perkongsian ilmu serta pembelajaran yang berterusan dapat dikongsi oleh semua lapisan masyarakat.

MAJLIS PELANCARAN SIRI SARAWAKIANA: THE UNSUNG HEROES – VOICES OF THE SARAWAKIAN GUERRILLAS OF 'Z' SPECIAL UNIT & PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN 2014

Oleh Sofina Tan Sofian Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI - Majlis Pelancaran Siri Sarawakiana: The Unsung Heroes – Voices of the Sarawakian Guerrillas of 'Z' Special Unit (Wira Tidak Didendang – Suara-suara Gerila Unit Khas 'Z' Sarawak) dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2014 telah diadakan pada 11 September 2014 bertempat di salah sebuah hotel terkemuka Bandaraya Miri.

Ianya telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Puan Rosey Haji Yunus – Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-kanan dan Pembangunan Keluarga Sarawak.

Antara yang turut hadir adalah Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak Dr. Rita Manurung, Ketua Wilayah Sarawak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Encik Adiman Ajem dan Pengurus Wilayah Pustaka Negeri Sarawak - Miri Hajah Salina Haji Zawawi.



JUARA...Kumpulan SainSri 3 menerima hadiah kemenangan daripada YB Rosey (tengah) sambil disaksikan oleh Pengurus Wilayah Pustaka Negeri Sarawak, Miri – Hajah Salina Haji Zawawi (empat dari kiri) dan Ketua Hakim Pertandingan Bibi Aminah Abd. Ghani (empat dari kanan).



TERIMA KASIH...Antara 'wira tidak didendang' menerima cenderamata kenang-kenangan.

JULY - SEPTEMBER 2014

JULY - SEPTEMBER 2014



SIRI SARAWAKIANA: THE UNSUNG HEROES – VOICES OF THE SARAWAKIAN GUERRILLAS OF 'Z' SPECIAL UNIT (WIRA TIDAK DIDENDANG – SUARA-SUARA GERILA UNIT KHAS 'Z' SARAWAK)

- Merupakan salah satu projek yang dijalankan bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).
- Projek ini bertujuan untuk mendokumenkan serta merekod sejarah lisan penduduk / saksi kejadian kawasan yang telibat dalam operasi SEMUT.
- Penyelidik yang dilantik adalah Curtin Consultancy Services (Malaysia) Sdn Bhd.
- Fokus adalah pada veteran Wira Tidak Didendang di kawasan operasi SEMUT 1, SEMUT 2, SEMUT 3 dan SEMUT 4.
- Mereka yang terlibat dalam projek ini adalah:

- MENDIANG PENGHULU NGIMAT AYU
- KETUA KAMPUNG EN. BALA TUUH
- EN. GELUKO ANAK BALANGIMAT
- EN. TAMIN ANAK SIPULUH RIBU
- EN. AGAN IBU IRAN @ TAMA RENEH
- EN. MALONG ULEK @ TAMA TALA @ RAJA LANGIT
- EN. NGARENG ANAK URI @ PUN BUDA
- EN. PADAN LABO @ UBUNG
- EN. TAGAL PARAN
- MENDIANG EN. NGO OYOK
- EN. JAU ENG
- EN. BAYA LAING
- EN. ABD. MANAN MOHD. ZAIN GALAU
- TN. HAJI SUHAILI NASIR

■ WIRA-WIRA SARAWAK...Para 'wira tidak didendang' bersama YB Rosey Hj. Yunus (berdiri, tengah), tetamu kehormat dan jawatankuasa pengajar.

- EN. PUTIT MATNOR
- PN. AMINAH PUTIT
- EN. GINDI AK. TIMBUN
- EN. MELIK AK. ENGKULAU
- EN. WILFRED BILLY PANGAU
- EN. WAN ABD. RAHMAN DATUK TUANKU TAH
- Projek ini telah disiapkan pada tahun 2013. Hasilnya adalah dokumentari dalam bentuk buku serta buku elektronik (e-book) dan video yang dimuatkan dalam USB.

PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN 2013:

- Pertandingan Warisan Budaya Tempatan adalah terbuka kepada semua sekolah menengah di sekitar Bandaraya Miri.
- Pertandingan ini adalah kali ke-tujuh (7) diadakan oleh Pustaka Miri sejak tahun 2008. Tempoh pertandingan bermula sejak Februari sehingga Ogos 2014.
- Ianya bertujuan untuk membimbing para peserta dalam pencarian maklumat melalui sumber-sumber yang sah, merancang, mengumpul, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod maklumat-maklumat yang diperolehi untuk membentuk hasil kerja yang lengkap dan komprehensif. ► *continued on page 6*

- Peserta juga didekati dengan penggunaan sumber-sumber maklumat bercetak dan bukan bercetak bagi membolehkan mereka mengetahui dengan lebih lanjut bahan-bahan tempatan, sejarah, kaum, tradisi, budaya, sosio-ekonomi, norma hidup sesuai kaum dan sebagainya melalui Program Literasi Maklumat yang dianjurkan oleh Pustaka Negeri Sarawak, Miri.
- Tema tahun ini adalah Tokoh-tokoh Tempatan Wilayah Utara Sarawak.
- Sebanyak 18 kumpulan daripada sembilan (9) sekolah telah menyertai pertandingan kali ini. Akan tetapi, cuma sembilan (9) kumpulan yang telah berjaya melengkapkan kertas projek mengikut syarat-syarat.
- Pemenang utama atau johan menerima hadiah berbentuk wang tunai RM1,000.00, sijil penyertaan dan sijil kemenangan.

INFORMATION ACCESS WITH QR CODE

By Wan Mazli Wan Razali (mazlir@sarawak.gov.my)

QR Code (Quick Response Code) system was first introduced in the automotive industry and has become popular to other services due to its fast readability and greater storage capacity compared to standard UPC (Universal Product Code) barcodes. Applications include product tracking, item identification, time tracking, document management, general marketing, and much more.

Therefore, Pustaka is looking into the venture to embark on these trends to enhance information access in Pustaka. Services that can be enhanced with QR code are publications such as newsletter, reports, brochure, pamphlets, posters and promotion for new books or journal arrival as well as any printed advertisements that are produced. QR Code in Pustaka will enable the access to the Library Materials listed in the OPAC via users' mobile devices. Brief information of the book will be available for users to view when scanning the QR Code with the mobile device.

PHP QR Code



Data: <http://www.pustaka-sarawak.gov.my> ECC: H - best Size: 5 GENERATE

BENCHMARK
till_after_raw: 0.009921s
till_after_filler: 0.006064s
till_after_mask: 0.090866s
till_after_encode: 0.000060s
till_finish: 0.002327s
TOTAL: 0.109238s

QR Code Generator available on Pustaka Staff Portal

APRIL-JUNE 2014

APRIL-JUNE 2014

- Pemenang Utama: Kumpulan SAINSri 3 daripada SM Sains, Miri dengan tajuk projek – Haji Salleh Bin Sambas: Pejuang Atau Petualang? (Tokoh Limbang).
- Kumpulan SAINSri 3 terdiri daripada Dzulfaqar b. Joll Kipli (ketua kumpulan), Dayang Nur Zarith Annisa bt. Awang Salleh, Nur Ismah bt. Jaffri dan Rini Kardiani bt. Kalong. Guru pembimbing mereka adalah Awang Syazwan b. Awang Hassan.
- Guru Pembimbing Terbaik dianugerahkan kepada En. Chan Wah Fook dari SMK Marudi. Beliau telah membimbing kumpulan Sape yang menulis berkenaan Tokoh Kebudayaan Masyarakat Orang Ulu Erang Lahat @ Tama Sili.
- Kumpulan-kumpulan yang berjaya memenuhi syarat pertandingan menerima sijil penyertaan dan wang tunai RM200.00 manakala yang melengkapkan hasil projek menerima sijil penyertaan.

QR Code is a mobile operating method which can be used in Google's Android, BlackBerry OS, Nokia Symbian Belle, Apple iOS devices (iPhone/iPod/iPad), Microsoft Windows Phone, Google Goggles, 3rd party barcode scanners, and the Nintendo 3DS. The browser supports URL redirection, which allows QR codes to send metadata to existing applications on the device.

In Pustaka, ICT Sector has configured the QR Code generator "PHP QR Code" available on its Staff Portal [http://web.pustaka-sarawak.com/phpqrindex.php](http://web.pustaka-sarawak.com/phpqrcode/phpqrindex.php).

This initiative is meant for internal use and will require manpower support from other parties such as Technical Services Division, Information Services Division and Innovation Division.

A training was organized on 25-26 June this year on the utilization of QR Code to relevant staff and division.

Further readings on QR Code:

- QR code, Wikipedia, the free encyclopedia
- Scan Me: Everybody's Guide to the Magical World of QR Codes (Paperback) by Mick Winter
- Go Mobile: Location-Based Marketing, Apps, Mobile Optimized Ad Campaigns, 2D Codes and Other Mobile Strategies

Pustaka Negeri Sarawak CELEBRATES RAYA MERDEKA

By Alya Faeeqah Hamali (alyah@sarawak.gov.my)



The cake cutting ceremony for August Staff's Birthday celebrations

Over 100 guests attended Pustaka Negeri Sarawak's Hari Raya open house on 25th August 2014 held at Pustaka's Lobby. The theme for this year was 'Raya Merdeka Bersama Kami'. The event was attended by the State Secretary, YB Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad Morshidi B. Abdul Ghani. The event was also in line with Merdeka Day celebration.

Various exciting programmes in the run-up to the Merdeka Day celebration, such as health talks, exhibition on Memory of Independence and traditional games such as congkak and ketupat making competition.



■ Memory of Independence exhibition

The event was organized for their stakeholders and partners, while recruiting members and 'Friends of Pustaka'.



■ The Management of the Board with the Chief Executive Officer and Senior Officers of Pustaka



■ Congkak competition

Karnival Ilmu SEMPENA HARI INOVASI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Oleh : Nur Asikin Ahmad (nuraa4@sarawak.gov.my)

Bersempena dengan Sambutan Minggu Inovasi 2014, Kelab Sukan dan Rekreasi Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan Karnival Ilmu pada 27- 28 September 2014 bertempat di Pustaka Negeri Sarawak. Seramai lebih kurang 2000 orang pengunjung telah hadir ke Karnival Ilmu ini.

Karnival ini merupakan sebahagian daripada aktiviti Anjuran Kelab Sukan Dan Rekreasi buat julung kalinya pada tahun 2014. Antara program yang diadakan sepanjang Karnival Ilmu adalah :

- Pameran Agensi Kerajaan
- Flea Bazaar
- Kempen Derma Darah
- Pemeriksaan Kesihatan Percuma
- Kejohanan Dart Terbuka
- Pustaka Talent Search (Pertandingan Karaoke)
- Video Screening "Captain America" dan Bukit Kepong
- Demonstrasi alat kawalan jauh dan pertunjukan helikopter dan bot
- Bengkel dan Pertandingan Mencanting Batik
- Aerobathon

- Petandingan Memancing
- Ceramah Komuniti
- Pameran kereta dan motosikal

Seramai 74 buah Flea Bazaar telah mengadakan jualan semasa Karnival Ilmu tersebut manakala kira-kira

200 penyertaan telah diterima untuk Pertandingan Memancing 'Lan Ngail' Pustak a. Untuk Program Pustaka Talent Search (Pertandingan Karaoke) pula ianya telah disertai oleh 30 orang peserta dan hampir 50 buah kereta dan motosikal telah dipamerkan sepanjang program tersebut.

Gambar Sekitar Karnival Ilmu Sempena Hari Inovasi Pustaka Negeri Sarawak 2014



■ Flea Bazaar



■ Pameran Agensi Kerajaan



■ Demonstrasi Alat Kawalan Jauh Helikopter



■ Pertandingan Karaoke 'Pustaka Talent Search'



■ Pameran Motosikal



■ Pameran Kereta

Staff News



Nama Staf:
Mohd. Khadzrie Mohd. Ramzie Faizal

Bahagian / Sektor :
Bahagian Perkhidmatan Teknikal / Sektor Perkhidmatan Perpustakaan

Jawatan :
Pustakawan S41

Nama Isteri:
Syafiqah Bt Sa'at

Tarikh Kahwin:
19 September 2014

Congratulations on your new born



Nama Staf
Mohammad Abdullah Bin Hamdan

Jawatan/Sektor
Juruteknik J17 / Sektor Pengurusan Korporat

Nama Anak
Muhammad Abdul Wafi

Tarikh Lahir
3 Ogos 2014



Nama Staf
Abdul Afiq Bin Abdul Aziz

Jawatan/Sektor
Penolong Pegawai Sistem Maklumat F29 /
Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Nama Anak
Aisyah Damia Bt. Abdul Afiq

Tarikh Lahir
14 Mac 2014

List Of Visitors To *Pustaka Negeri Sarawak*

DATE	Visitors
JULY	
12	Tadika Kids Eden
19	Tadika Juara Gemilang
AUGUST	
9	SMK Lake Bau
13	Tadika Smart Reader Kids Uni Garden, Samarahan
15	UiTM, Kota Samarahan
15	UiTM, Kota Samarahan
16	SJK Chung Hua Lundu
20	Smart Reader Kids Tabuan Jaya Baru 2, Jalan Stutong
23	SMK St. Joseph, Kuching
25	Persatuan Bagi Kebajikan Kanak-kanak Terencat Akal Sarawak (PERKATA)
26	Universitas Tanjungpura
27	US Embassy Kuala Lumpur
29	Taska Alam Ceria
29	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan
SEPTEMBER	
3	Persatuan Bagi Kebajikan Kanak-kanak Terencat Akal Sarawak (PERKATA)
5	Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara
9	SK Dato' Traoh, Kota Samarahan
15	Deputy Chief of Mission of the U.S. Embassy in Kuala Lumpur
17	Rumah Kanak-Kanak Kuching
24	ST Joseph's Private School
26	SJK Chung Hua Batu 8 1/2, Sungai Maong Hilir
29	Integrasi Rukun Tetangga Negeri Sabah

List Of Visitors To *Pustaka Miri*

DATE	Visitors
JULY	
4	SK Long Kevok
8	SMK Bekenu
AUGUST	
18	Reading Program for Rural Area Schools
29	Kembara Minda III Sekolah Daerah Baram
SEPTEMBER	
5	Tabika KEMAS Bukit Song
9	Pra-Sekolah SK Anchi, Miri
25	SMK Marudi